

Duda diberkas sedang bungkus dadah

Sinar Harian 31/05/2010 M/S 54

HASNIZA HUSSAIN

KUALA LUMPUR – Dua lelaki diberkas termasuk seorang duda beranak dua, dalam serbuan di sebuah Pangsapuri di Jalan Kuching, yang dipercayai dijadikan 'markas pembungkusan' dadah dalam kejadian pada 26 Mac lalu.

Dalam operasi yang dijalankan kira-kira jam 11.45 pagi itu, kedua-dua suspek masing-masing berusia 32 dan 36 tahun itu dikatakan sedang sibuk melakukan kerja-kerja membungkus empat jenis dadah termasuk heroin, ganja, syabu dan pil Erimin 5.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Asisten Komisyoner Kang Chez Chiang berkata, bersama dua suspek terbabit pihaknya merampas dadah heroin seberat dua kilogram (kg), satu kg ganja, syabu seberat 5.5 gram dan 60 biji pil Erimin 5 yang nilai keseluruhannya dianggarkan berjumlah RM 120,000.

"Selain itu kita turut rampas tunai bernilai RM2,473, lima telefon bimbit, dua alat penimbang, buku cek termasuk buku 555 yang tercatat senarai nama pelanggan serta tempahan dadah yang diterima," katanya pada sidang akhbar di ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, siasatan lanjut ke atas kedua-dua suspek itu mendapati buku 555 tersebut turut memudahkan mereka untuk mengenal pasti pelanggan tetap selain memudahkan untuk memeriksa nama pelanggan yang berhutang.

"Kedua-dua suspek yang tidak bekerja itu difahamkan bergiat ak-



● Chez Chiang menunjukkan semua dadah dan barangan yang dirampas termasuk buku 555 dalam serbuan yang dijalankan pihaknya di sebuah pangsapuri di Jalan Kuching Jumaat lalu.

tif menjalankan kerja haram terbabit sejak tiga bulan lalu dan siasatan menunjukkan dadah berkenaan diedarkan untuk pasaran di sekitar Lembah Klang," katanya.

Chez Chiang berkata, ujian sarin-gan awal air kencing yang dijalankan ke atas suspek berusia 32 tahun mendapati dia positif syabu dan ganja (THC), manakala seorang lagi hanya positif dadah syabu.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut yang dijalankan menunjukkan suspek duda berusia 32 tahun memiliki tiga

rekod lampau membabitkan dadah manakala rakannya mempunyai satu rekod lampau bagi kes sama.

Katanya, semua suspek itu direman bermula 27 Mac lalu sehingga esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Beliau berkata, siasatan lanjut oleh pihaknya giat dijalankan bagi mengenal pasti individu lain yang mungkin terlibat dalam aktiviti terbabit selain mengesan punca bekalan dadah yang diperoleh suspek.